

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 6 (7)

2 Disember 2018
24 Rabiulawal 1440

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 62/2018

PELAKSANAAN LALUAN KERJAYA PELBAGAI STAF AKADEMIK (*DIFFERENTIATED CAREER PATHWAY (DCP)*) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 22/2018 pada 18 Oktober 2018 telah bersetuju untuk meluluskan pelaksanaan Laluan Kerjaya Pelbagai (*Differentiated Career Pathway*)(DCP) staf akademik Universiti Teknologi Malaysia mulai 1 Januari 2019.

2. Polisi dan Kriteria Laluan Kerjaya Pelbagai (DCP) Staf Akademik khususnya dalam urusan kenaikan pangkat di Universiti Teknologi Malaysia telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 8/2017 pada 25 April 2017 dan seterusnya diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 92 pada 17 Mei 2017.

3. Penetapan staf akademik di dalam **Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM** adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Penetapan Staf Di Bawah Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM

BIL.	KATEGORI STAF	LALUAN KERJAYA
1.	Staf akademik yang dilantik dan melapor diri pada atau selepas 1 Januari 2016	Tertakluk kepada Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM secara automatik.
2.	Staf akademik yang naik pangkat pada atau selepas 1 Januari 2016 (dan telah memohon kenaikan pangkat ke gred seterusnya sebelum 31.12.2018), jika; a) Memenuhi semua kriteria KPA V1 dan telah lima (5) tahun berada pada gred naik pangkat semasa. b) Belum memenuhi kriteria KPA V1.	a) Diberi kenaikan pangkat setelah genap 5 tahun berada pada gred naik pangkat semasa. Bagi kenaikan ke gred seterusnya tertakluk kepada Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM. b) Tertakluk terus dalam Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM.

Sambungan Jadual 1: Penetapan Staf Di Bawah Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM

BIL.	KATEGORI STAF	LALUAN KERJAYA
3.	Staf akademik yang naik pangkat pada atau selepas 1 Januari 2016 tetapi belum memenuhi kriteria	Tertakluk kepada Laluan Kerjaya Pelbagai Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM.
4.	Staf akademik yang tidak memenuhi 70% setiap kriteria kenaikan pangkat seperti sedia ada (KPA V1) pada 31 Disember 2018.	Tertakluk kepada Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM.
5.	Staf akademik yang berada dalam Tempoh Transisi dan masih belum memenuhi syarat ditetapkan sehingga 31 Disember 2021.	Tertakluk kepada Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM.

4. Pelaksanaan Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM termasuk Tempoh Transisi adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Pelaksanaan Tempoh Transisi dilaksanakan sehingga tahun 2021.

Jadual 2: Pelaksanaan Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM dan Tempoh Transisi

TAHUN	PENCAPAIAN % KESELURUHAN KRITERIA KENAIKAN PANGKAT SEPERTI VERSI 1.0
2019	>70
2020	>75
2021	>78

5. Proses kenaikan pangkat staf yang berada dalam **tempoh transisi** seperti dalam Jadual 3

Jadual 3 : Proses kenaikan pangkat staf yang berada dalam tempoh transisi

BIL	TINDAKAN PROSES	MARKAH TRANSISI	TEMPOH MASA	TINDAKAN
1.	Penghantaran dokumen permohonan ke Urusetia.	Memenuhi > 70% setiap kriteria, permohonan boleh diproses.	31 Disember 2018.	Fakulti Urus Setia BSM

Sambungan Jadual 3:Proses kenaikan pangkat staf yang berada dalam tempoh transisi


BIL	TINDAKAN PROSES	MARKAH TRANSISI	TEMPOH MASA	TINDAKAN
2.	Permohonan yang belum memenuhi syarat kriteria sehingga 31 Disember 2018: a. Direkodkan sebagai berada dalam tempoh transisi. b. Diberi tempoh untuk penuhi syarat. c. Mengemukakan semula permohonan jika telah penuhi syarat.	<u>Penilaian pada tahun 2019</u> Memenuhi > 70% setiap kriteria kenaikan pangkat seperti sedia ada (versi 1), permohonan boleh diproses. Sekiranya tidak memenuhi, staf secara automatik akan terus berada kategori Laluan Kerjaya Pelbagai (DCP) Staf Akademik UTM.	01 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019	Fakulti Urus Setia BSM
3.	Permohonan semula kenaikan pangkat bersyarat 2020.	<u>Penilaian pada tahun 2020</u> Memenuhi > 75% setiap kriteria kenaikan pangkat (versi 1), permohonan boleh diproses. Sekiranya tidak memenuhi, staf secara automatik akan terus berada kategori Laluan Kerjaya Pelbagai (DCP) Staf Akademik UTM.	01 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020	Fakulti Urus Setia BSM
4.	Permohonan semula kenaikan pangkat bersyarat 2021.	<u>Penilaian pada tahun 2021</u> Memenuhi > 78% setiap kriteria kenaikan pangkat (versi 1), permohonan boleh diproses Sekiranya tidak memenuhi, staf secara automatik akan terus berada kategori Laluan Kerjaya Pelbagai (DCP) Staf Akademik UTM.	01 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021	Fakulti Urus Setia BSM
5.	Fakulti akan menentukan laluan kerjaya staf akademik berdasarkan Laluan Kerjaya Pelbagai (DCP) Staf Akademik untuk pemohon yang berada dalam tempoh transisi tetapi masih belum memenuhi syarat yang ditetapkan.	Menggunakan kriteria Laluan Kerjaya Pelbagai (DCP) Staf Akademik UTM sepenuhnya.	01 Januari 2022	Fakulti Urus Setia BSM

6. Kaedah pemilihan dan penetapan trek Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM adalah seperti di bawah:
- a) Staf akademik yang telah berkhidmat lebih dari tiga (3) tahun mulai tarikh dilantik tetap, diberi pilihan untuk memilih Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM kali pertama.
 - b) Staf akademik yang baharu dilantik boleh memilih Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM selepas genap tempoh tiga (3) tahun perkhidmatan di UTM.
 - c) Staf boleh menukar pilihan Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM hanya dua (2) kali sahaja dalam tempoh sepuluh (10) tahun pertama perkhidmatan di UTM (tidak termasuk pilihan Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM yang pertama) dan hanya sekali sahaja dalam tempoh setiap sepuluh (10) tahun berikutnya.
 - d) Setiap pemilihan Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM hendaklah mendapat **perakuan Fakulti** dan **kelulusan Jawatankuasa Khas Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik UTM peringkat Universiti**.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)
Menjalankan Tugas Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah